

MINIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia,
Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kehakiman Negara

SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN : 1/2025

PEMOHONAN KELUAR NEGERI MELALUI SISTEM SUMBER MANUSIA [SSM]

Dengan penuh hormat sukacita merujuk mengenai dengan perkara tersebut di atas.

Sepertimana yang sedia maklum bahawa Sistem Sumber Manusia (SSM) telah dilancarkan pada 21 Mei 2021. SSM adalah gabungan dua (2) sistem yang menggantikan sepenuhnya 'Government Human Resources Management System (GEMS)' dan 'Government Payroll System'. Di antara fungsi yang boleh digunakan adalah: -

- i. Catatan Kedatangan;
- ii. Pemohonan Cuti dan Kebenaran Keluar Negeri;
- iii. Pengemaskinian Maklumat Peribadi dan Maklumat Perkhidmatan;
- iv. Penyata Slip Gaji.

Untuk makluman Pengiran Haji / Pengiran / Tuan / Puan Hajah / Puan / Awang Haji / Awang / Dayang bahawa **permohonan kebenaran keluar negeri SAHAJA bagi semua pegawai dan kakitangan di Jabatan ini (Jabatan Kehakiman Negara -proper)** telah dapat digunapakai pada **bulan Disember 2024**.

Sehubungan dengan itu, mana-mana pegawai dan kakitangan yang ingin keluar negeri pada hari Juma'at ataupun pada hari Ahad mahupun pada Hari Kelepasan Awam yang dibenarkan kecuali pada Hari-Hari Kelepasan Awam yang tidak dibenarkan keluar negeri seperti berikut:-

- ❖ Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam;
- ❖ Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu' Alaihi Wassalam;
- ❖ Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
- ❖ Majlis-Majlis Adat Istiadat Diraja atau mana-mana Istiadat dan Upacara yang diistiharkan dari masa ke semasa (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 11/1999 bertarikh 09 Rabiulakhir 1420 / 22 Julai 1999).



hendaklah menggunakan **sistem SSM dibawah tajuk 'My Leave Request'** yang mana pemohon boleh membuat permohonan kebenaran keluar negeri dan akan diberikan kebenaran oleh Ketua Bahagian masing-masing. Contoh permohonan adalah seperti berikut:

1. Masuk pada '**My Leave Request**' dan klik pada '**Create Request**';
2. Klik pada ruang **Kebenaran Keluar Negeri**;

Leave Type	Code
Cuti Tahunan	1000
Cuti Tahunan (KKM)	1001
Cuti Mandatori (KKM)	1002
Cuti Mandatori	1010
Cuti Sakit Swasta	1020
Cuti Sakit Kerajaan	1030
Cuti Basuk Kering	1050
Cuti Menemani Pesakit	1060
Cuti Beranak 105	1100
Cuti Beranak 56	1110
Cuti Haji	1120
CSDS	1130
Cuti Lebih Masa	1140
Cuti Tanpa Gaji < 30	1150
CTG Haji < 30	1160
CTG Men. Pesakit < 30	1170
CTG Kursus < 30	1180
Cuti Tanpa Gaji > 30	1190
Cuti Pengasingan Diri	1210
Cuti Menerima Rawatan	1250
Kebenaran Keluar Negeri	1280
Perintah Kurantin	1290
Cuti Pengasingan di Rumah	1300

Contoh Pertama:

Pemohon yang ingin memohon keluar negeri pada tarikh 02 Januari 2025, (Hari Khamis, selepas waktu bekerja) hingga 03 Januari 2025 (Hari Juma'at) adalah dikira lebih dua hari (*More than 1 day*);

Leave Type Selection

Leave Type: **Kebenaran Keluar Negeri**

No Quota Relevance

Description: Kebenaran Keluar Negeri

General Data

☒ More than 1 day ☐ One day

*Start/End Date: 02.01.2025 - 03.01.2025

New Note: Memohon kebenaran keluar negeri pada 02.01.2025 (Selepas Waktu Bekerja) hingga 03.01.2025 di Limbang / Miri, Malaysia

Kindly state if the exit country is after working hours (Selepas Waktu Bekerja) and the countries' name if it's more than 1 in the notes

Additional Data

Start Date: 02.01.2025

End Date: 03.01.2025

Country: MY Malaysia

Contoh Kedua:

Pemohon yang ingin memohon keluar negeri pada tarikh 03 Januari 2025 (Hari Juma'at) adalah dikira satu hari saja;


Leave Type Selection	
Leave Type:	Kebenaran Keluar Negeri
	No Quota Relevance
Description:	Kebenaran Keluar Negeri
General Data	
	☐ More than 1 day ☒ One day
*Date:	03.01.2025
New Note:	Memohon kebenaran keluar negeri pada 03.01.2025 di Limbang / Miri
Kindly state if the exit country is after working hours (Selepas Waktu Bekerja) and the countries' name if it's more than 1 in the notes	
Additional Data	
Start Date:	03.01.2025
End Date:	03.01.2025
Country:	MY Malaysia

Untuk makluman bahawa permohonan kebenaran keluar negeri menggunakan Borang secara manual adalah **tidak lagi digunakan**.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan Pengiran Haji/Pengiran/Tuan/Puan Hajah/Puan/Awang Haji /Awang/Dayang mengenainya.

والسلام

"Bersatu Memperkasa Kemajuan, Memacu Wawasan 2035"



(HAJAH SUZANAH HAJI SULAIMAN)

Pmk. Pegawai Pentadbir Kanan
b.p Pengarah Kehakiman Negara

Rujukan : JKN/PENT/01-71 Pt.3

Tarikh : 02 Safar 1446H / 02 Januari 2025M